



Bil. 07/2021 – C19(M) 17022021

EDARAN DALAMAN
ANGGOTA KERJA SAHAJA

PENGUMUMAN TERKINI: PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

1. Selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan, di sidang media bertarikh 16 Februari 2021 berkenaan pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang serta Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi negeri-negeri lain di Malaysia **dari 19 Februari 2021 hingga 4 Mac 2021**, pihak Pengurusan UNITEN bersetuju untuk meneruskan Kaedah Bekerja Dari Rumah (*Work From Home*) **untuk semua anggota kerja sehingga tarikh 4 Mac 2021** tersebut.
2. Sehubungan dengan itu, **Edaran Bil. 3/2021-C19(M)12012021** bertajuk **Pengumuman Terkini: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Di Universiti Tenaga Nasional (Edaran Anggota Kerja)** yang diedarkan pada 12 Januari 2021 lalu adalah masih berkuat kuasa dan harus dipatuhi oleh semua anggota kerja UNITEN.
3. Semua anggota kerja adalah diingatkan agar sentiasa mematuhi arahan PKP dari semasa ke semasa, mengelak daripada menghadiri sebarang bentuk perkumpulan atau mengunjungi tempat-tempat yang sesak dan mengamalkan kawalan sendiri seperti yang disarankan oleh KKM. Semua anggota kerja turut disarankan untuk menjaga kebersihan iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun / *hand sanitizer*, amalkan penjarakan fizikal sekurang kurangnya 1 meter dan memakai pelitup muka. Sekiranya terdapat tanda-tanda dan sebarang gejala, anggota kerja harus mendapatkan rawatan dari klinik berdekatan dengan kadar segera.



4. Pengurusan UNITEN akan mengeluarkan pemakluman lanjut kepada anggota kerja dari semasa ke semasa. Sehubungan itu semua pihak diminta untuk mengambil maklum dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan UNITEN dan juga KKM. Semoga segala inisiatif yang diambil ini mendapat sokongan dan kerjasama anggota kerja bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan kita bersama.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-89212019 atau emel covid19taskforce@uniten.edu.my.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dato' Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha *FASc, FIEM*

Naib Canselor

Universiti Tenaga Nasional

17 Februari 2021